

25/04/2003

Imam besar belajar ilmu penerbangan

Daud Awang

MELAKA: Lazimnya, seseorang imam itu dikaitkan dengan soal agama, tarbiah dan hukum-hakam, tetapi bagi Imam Besar Masjid Al-Azim, Mohammad Hashim, beliau ingin sesuatu pembaharuan - belajar ilmu penerbangan.

Berbekalkan semangat dan keazaman yang tinggi, Mohammad kini mendaftar sebagai juruterbang pesawat ringan (microlight) dengan Kelab Penerbangan 4B Malaysia, beroperasi di Lapangan Terbang Batu Berendam.

Penerbangan sulungnya ialah dengan catatan ketinggian kira-kira 300 meter, dengan dibantu oleh ketua jurulatih penerbangan kelab berkenaan, Kapten Roizan Ahmad.

"Takut pun ada... gayat pun ada... tetapi saya kuatkan semangat sebab ingin mencuba kelainan daripada tugas harian," katanya selepas melakukan penerbangan kira-kira 30 minit, pagi semalam.

Kelab Penerbangan 4B Malaysia dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Mei 1996.

Objektif penubuhan kelab itu adalah untuk mengembangkan ilmu penerbangan di kalangan belia termasuk melatih, merekabentuk, memasang dan membina pesawat ringan jenis microlight.

Ketika ini, sebanyak tujuh pesawat microlight digunakan oleh kelab penerbangan itu dengan lebih 150 belia telah mengikuti latihan di kelab terbabit sejak pelancarannya.

Menceritakan pengalamannya, Mohammad berkata, dalam al-Quran, umat Islam digalakkan mempelajari pelbagai ilmu kemahiran termasuk menunggang kuda dan memanah.

Bagaimanapun, katanya, perubahan pesat sains dan teknologi membolehkan manusia mencipta apa saja, dan sebagai umat Islam, ilmu itu sepatutnya dipelajari dan dimanfaatkan.

"Jika umat Islam boleh menguasai pelbagai ilmu, ia sudah tentu digeruni oleh musuh Islam. Kita wajib mempelajari pelbagai ilmu asalkan ia tidak bertentangan dengan hukum dan ketetapan Allah," katanya.

Beliau berkata, mungkin orang ramai tertanya-tanya kenapa tiba-tiba seorang imam berminat mempelajari ilmu penerbangan.

"Adakah ini melanggar peraturan hukum? Saya rasa tidak, malah ilmu ini wajar dipelajari oleh sesiapa saja kerana ia memberi kekuatan mental dan sekali gus kita dapat mengetahui betapa besarnya kekuasaan Allah.

"Selain itu, melalui kegiatan ini juga kita dapat berdakwah kerana dapat bertemu ramai belia yang mempunyai minat dan kecenderungan yang sama," katanya.

Mohammad mengucapkan terima kasih kepada Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam kerana meluluskan pinjaman daripada Tabung Pendidikan negeri sebanyak RM4,500 bagi membiayai yuran penerbangan di kelab berkenaan.

Sementara itu, pembantu jurulatih penerbangan, Kapten Azhan Nizam Ahmad, berkata pihaknya membuka keahlian kepada belia yang berminat memandu pesawat ringan.

"Mereka mestilah berumur sekurang-kurangnya 17 tahun dan perlu melakukan penerbangan selama 30 jam sebelum layak mendapat sijil penerbangan yang diiktiraf oleh Jabatan Penerbangan Awam (JPA)," katanya. Mereka yang berminat boleh menghubungi 06-3176717.